



21 JUN, 2026

Flat empat tingkat di Kampung Sungai Makau mula dirobuhkan

Berita Harian Ahad, Malaysia



Kerja perobohan bangunan empat tingkat yang sebelum ini digunakan sebagai penempatan pelarian etnik Rohingya dekat Kampung Sungai Makau, Hulu Langat, semalam.

(Foto Fathil Asri/BH)

Flat empat tingkat di Kampung Sungai Makau mula dirobuhkan

Proses perobohan dijangka ambil masa sehingga tiga bulan

Oleh Mukhriz Mat Husin
mukhriz.husin@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sebuah bangunan empat tingkat yang dibina secara tidak sah yang sebelum ini digunakan sebagai penempatan pelarian etnik Rohingya dekat Kampung Sungai Makau, Hulu Langat, mula dirobuhkan oleh pemilik kawasan tapaknya sejak kelmarin.

Usaha merobuhkan bangunan

terbabit disahkan anak perempuan kepada pemilik kawasan tapak binaan itu, yang memaklumkan kerja perobohan terbabit dianggarkan sudah mencapai hampir 20 peratus setakat semalam.

"Untuk makluman, binaan atas kawasan rizab sungai yang terletak di belakang bangunan itu juga sudah dirobuhkan. Hari ini, pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) hadir menanggalkan

tiang elektrik di kawasan berkenaan.

"Selepas mereka alihkan tiang berkenaan, baru kita boleh teruskan kerja perobohan bangunan terbabit. Setakat ini, kerja merobuhkan bangunan flat itu dianggarkan sudah mencapai kira-kira 20 peratus," katanya kepada *BH*, semalam.

Ambil masa pindah barangan Tinjauan mendapati kerja perobohan yang dilaksanakan terhadap bangunan empat tingkat itu dijalankan dengan menggunakan jengkaut.

Wanita itu menjangkakan kerja perobohan binaan di kawa-

san itu mengambil masa yang agak lama berikutan masih ada beberapa barangan peribadi milik keluarganya yang belum dikeluarkan sepenuhnya daripada kediaman mereka yang terletak di belakang bangunan terbabit.

"Kami sekeluarga pernah menetap di kediaman itu ketika saya masih kecil. Walaupun kini sudah berpindah, masih terdapat beberapa barangan yang belum sempat dikeluarkan.

"Saya sudah mengatur lori untuk memindahkan barangan berkenaan. Pada masa sama, kami turut mengalihkan sisa runtuh bangunan yang dirobuhkan bagi

memastikan laluan tidak terhalang.

"Justeru, keadaan itu menyebabkan kerja perobohan mengambil sedikit masa untuk diselesaikan," ujarnya.

Katanya, proses merobuhkan keseluruhan penempatan itu dijangka mengambil masa sehingga tiga bulan untuk diselesaikan, bergantung kepada kemampuan kewangan keluarga.

"Kerja perobohan bangunan ini bergantung kepada keadaan kewangan kami. Jika tidak mempunyai dana yang mencukupi, kerja berkenaan mungkin terpaksa ditangguhkan," katanya.